



**JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA
BAHAGIAN PERKASTAMAN
JKDM ZON TENGAH, UNIT II (SELANGOR)
ARAS 1, WISMA KASTAM SELANGOR, NO.1, JALAN PERIGI NENAS 7/1,
KS II, TAMAN PERINDUSTRIAN PULAU INDAH, 42907 PELABUHAN KLANG,
SELANGOR DARUL EHSAN**

Tel: 03-3169 3675 Fax: 03-3101 3105

Ruj. Kami : KE.BB(05)667/09-1(30)

Tarikh : 14 November 2023

**PROSEDUR OPERASI STANDARD
PELEPASAN KONTENA EKSPORT (MUATAN/LADEN) MASUK KE DALAM
ZON BEBAS PELABUHAN BARAT DENGAN IMBASAN 100% DAN
PENYURAIAN TRAFIK
ZON TENGAH UNIT II (SELANGOR)**

1. TARIKH BERKUATKUASA

Pelaksanaan operasi ini 24 jam sehari (termasuk cuti mingguan dan cuti umum) bermula **15 November 2023** pada jam 00.00 (12.00 tengah malam).

2. OBJEKTIF

Memastikan pengikraran Borang Kastam No.2 dibuat sebelum kontena eksport dibawa masuk ke dalam pelabuhan dan kontena tersebut melalui proses imbasan 100%.

3. PIHAK YANG TERLIBAT

3.1 Ejen Penghantaran (*Forwarding Agent*)

- i. Ejen Penghantaran mengikrar Borang Kastam No.2 untuk kontena (muatan/laden) yang akan dieksport melalui Pelabuhan Barat dan Pelabuhan Utara.
- ii. Ejen perlu memaklumkan kepada haulier nombor pendaftaran Borang Kastam No.2 bagi membolehkan pihak haulier memasukkan maklumat tersebut ke dalam **Sistem Cargo Move**.
- iii. Tanpa ada no pendaftaran Borang Kastam No.2, Sistem Cargo Move tidak akan dapat diproses.
- iv. Apabila Sistem Cargo Move telah lengkap, *haulier* akan membawa kontena (muatan/laden) ke pelabuhan dan akan melalui mesin pengimbas.
- v. Nombor kontena yang telah melalui mesin pengimbas akan dibuat semak silang dengan pengikraran Borang Kastam No.2.
- vi. Kontena yang mempunyai Borang Kastam No.2 akan dibenarkan masuk ke pelabuhan.
- vii. Kontena yang tidak mempunyai Borang Kastam No.2 setelah dibuat **semakan silang (*cross check*)** dibenarkan masuk ke pelabuhan tetapi akan ditahan dalam sistem port. Kontena berkenaan perlu melalui proses imbasan semula di CT7 atau di mana-mana tempat yang diarahkan. Pemeriksaan fizikal boleh dilakukan melalui arahan pegawai kanan yang hak.
- viii. Bagi kontena berstatus *Authorised Economic Operator (AEO)*, **dikecualikan** pengikraran Borang Kastam No.2 tetapi masih perlu melalui mesin pengimbas.
- ix. Bagi kontena kosong (*empty container*), **dikecualikan** pengikraran Borang Kastam No.2 dan proses imbasan.
- x. Segala pindaan/pembetulan maklumat pengikraran di dalam Borang Kastam No.2 adalah dibenarkan sebelum diberi kelulusan (*Approval*). Permohonan pindaan hendaklah dikemukakan kepada pegawai kastam yang hak melalui **Sistem Dokumen Sokongan Import Eksport (SDSIE)**.

3.2 *Haulier*

- i. *Haulier* akan membuat permohonan *booking* di dalam Sistem *Cargo Move* dengan memasukkan nombor Borang Kastam No.2 yang diberikan oleh pihak ejen penghantaran (*Forwarding Agent*). Tanpa nombor Borang Kastam No.2, tempahan *booking number* untuk penghantaran kontena masuk ke dalam pelabuhan tidak dapat dibuat.
- ii. *Haulier* perlu mematuhi arahan papan tanda yang berada di sepanjang jalan sebelum melalui mesin pengimbas dan pintu masuk. Kesemua kontena laden **diwajibkan** melalui mesin pengimbas.
- iii. Kontena kosong dan treler dikecualikan daripada melalui mesin pengimbas dan perlu melalui lorong yang telah ditetapkan.
- iv. Bagi kontena *laden* yang masuk ke lorong kontena kosong, *slip reject* akan dikeluarkan oleh pihak Westports dan polis bantuan pelabuhan akan mengiring kontena yang berkenaan keluar melalui *Gate Container CT7*.
- v. Bagi kontena kosong yang mempunyai dagangan, kontena akan diserahkan kepada pihak JKDM untuk tindakan lanjut.
- vi. Bagi kontena yang mematuhi prosedur dan SOP akan dibenarkan masuk ke pelabuhan (*container yard*).
- vii. Westports tidak lagi membenarkan sebarang *haulier* dan lain-lain kenderaan untuk memarkir (*parking*) atau memberhentikan kenderaan di sebelah kiri bahu jalan bermula dari persimpangan *Gate Conventional* hingga Mesin Pengimbas Eksport.

3.3 *Port Operator (Westports)*

- i. Membantu penyuraian trafik yang akan memasuki pelabuhan.
- ii. Pihak polis bantuan pelabuhan perlu memastikan semua kontena *laden* melalui lorong yang betul dan melalui Mesin Pengimbas Eksport.
- iii. Jika berlaku kesesakan, polis bantuan pelabuhan akan memaklumkan kepada JKDM dan kebenaran akan diperolehi untuk membuka halangan bagi kelancaran trafik. Penanda aras kesesakan bermula dari lintasan keretapi hingga menghala ke pintu masuk gate.
- iv. Lorong kontra akan diaktifkan bermula dari Tower Block Westports bagi tujuan membolehkan kontena kosong dan treler untuk melalui lorong berkenaan.

3.4 Lembaga Pelabuhan Klang (LPK)

- i. Pihak LPK adalah ketua koordinasi di peringkat Pelabuhan Klang.
- ii. Data harian kontena yang melalui Mesin Pengimbas Eksport akan diberi oleh pihak JKDM.
- iii. Pihak Westports akan membekalkan data-data harian berkaitan waktu operasi dan jumlah kontena yang melepasi Gate Container Westports (CT1).
- iv. Daripada data yang dikumpul, pihak LPK akan melaporkan kepada pihak Kementerian Pengangkutan Malaysia.

3.5 Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan JPJ Selangor

- i. Pihak PDRM dan JPJ Selangor akan membantu pihak Polis Bantuan Westports dalam melancarkan trafik jika berlaku keadaan kesesakan trafik yang tidak terkawal.

4. KLAUSA

- 4.1 SOP ini tertakluk kepada pindaan dari semasa ke semasa mengikut keperluan dan arahan.

5. URUSETIA DAN *HELP DESK*

5.1 JKDM Cawangan Import Eksport Pelabuhan Klang, Bahagian Perkastaman

- i. Siti Salmie binti Samat
Emel : salmie.samat@customs.gov.my
- ii. Syaridatunoor bt Sulaiman
Emel : syarida.sulaiman@customs.gov.my
- iii. Nurul Asikin binti Ramli
Emel : asikin.ramli@customs.gov.my

5.2 JKDM Cawangan Zon Bebas, Bahagian Perkastaman

- i. Azri bin Mat Saleh
azri.matsaleh@customs.gov.my
- ii. Afzarizzal bin Abdul Wahab
arizzal.wahab@customs.gov.my

iii. Ahmad Hafiz bin Hussin
hafiz.hussin@customs.gov.my

iv. Muhammad Salahudin bin Abd Latiff
salahudin.latiff@customs.gov.my

5.3 Westports Malaysia Sdn. Bhd.

i. Abdul Muiz bin Abdul Aziz
Emel : muiz@westports.com.my
Tel: 019-200 7456

ii. Gate Hotline
Tel : 012-226 2125

iii. Port Police Hotline
Tel: 019-227 5574 / 03-3169 4153

5.4 Northport Malaysia Bhd

i. Zakwan bin Deraman
Emel : zakwan@northport.com.my
Tel : 03-3169 8888




5.5 Lembaga Pelabuhan Klang (LPK)

i. Ahmad Rizal bin Mohd Yusop
ahmadrizal@pka.gov.my
Tel : 012-2159 069

ii. Mohd Jahangir Ali
mohdjahangir@pka.gov.my
Tel : 018-350 4876

iii. Mohd Azuan Mohd Faudzi
mohdazuan@pka.gov.my
Tel : 012-3310 327

iv. Shazrina Mustafa
shazrina@pka.gov.my
Tel : 013-230 6560

<p>Disediakan oleh:</p>  <p>.....</p> <p>ZAFIRA NURHAIDA HALUP Urus Setia Bahagian Perkastaman Zon Tengah Unit II (Selangor)</p>	<p>Disemak oleh:</p>  <p>.....</p> <p>AZRI BIN MAT SALEH Ketua Cawangan Zon Perdagangan Bebas Bahagian Perkastaman Zon Tengah Unit II (Selangor)</p>	<p>Diluluskan oleh:</p>  <p>.....</p> <p>MOHD FADZLI BIN DAUD Ketua Bahagian Perkastaman Zon Tengah Unit II (Selangor)</p>
---	--	---

